

25/06/2002

Dr Mahathir serius, bukan sandiwara: PRM

KUALA LUMPUR, Isnin - Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali, yakin Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memang serius untuk meletakkan jawatannya dan bukan bersandiwara.

"Sebelum ini saya tidak begitu pasti, tetapi sekarang saya percaya Dr Mahathir memang serius dan bukan bersandiwara," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Sementara itu, Persatuan Pemuda Negara Malaysia membidas parti pembangkang yang mendakwa pengumuman Perdana Menteri sebagai sandiwara dan menyifatkan dakwaan itu sebagai tidak matang, tidak bijak dan memalukan parti pembangkang sendiri.

Timbalan Presidennya, Ezaruddin Abd Rahman, berkata dakwaan berkenaan bukan saja keterlaluan, tetapi juga tidak menghormati perasaan Perdana Menteri.

Dalam kenyataannya, Ezaruddin bagaimanapun berharap Dr Mahathir terus memimpin negara kerana generasi muda masih memerlukan idea dan pengalaman beliau.

Naib canselor dan rektor institusi pengajian tinggi awam (IPTA) turut menyatakan sokongan terhadap kepemimpinan Dr Mahathir.

Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor dan Rektor IPTA, Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman, berkata kepemimpinan Dr Mahathir masih diperlukan dalam keadaan negara dan dunia kini serta sewaktu pendidikan menjadi agenda penting negara.

Sehubungan itu, beliau yang juga Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah berkata, mereka memberi sokongan padu dan kepercayaan kepada kepemimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

"Dan (kami) memberi kepercayaan dan komitmen serta jaminan untuk meneruskan daya usaha bagi mencapai kecemerlangan yang unggul dalam pendidikan tinggi negara," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu di Universiti Terbuka Malaysia di sini, hari ini.

Seramai 10 naib canselor dan rektor IPTA serta wakil mereka menghadiri mesyuarat itu.

Pada sidang itu juga, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, Prof Datuk Dr Mohd Fawzi Basri, berkata mereka prihatin dengan perkembangan yang berlaku itu.

Katanya, sungguhpun Dr Mahathir sudah beberapa kali menyatakan hasratnya untuk meletakkan jawatan, kepemimpinannya masih diperlukan pada masa ini.

Beliau juga berkata, pihak universiti tidak akan menghalang jika ada pelajar yang mahu mengeluarkan kenyataan meminta Dr Mahathir terus memegang jawatannya serta menyatakan sokongan mereka.

Setiausaha Agung Pemuda Gerakan, Hoo Saw Ho, juga berkata negara masih memerlukan Dr Mahathir untuk terus memimpin negara ke era lebih maju.

Setiausaha Agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Datuk Jamaludin Abdul Rahim, pula berkata Dr Mahathir perlu kekal menerajui bangsa dan negara kerana agenda gagasan perjuangan Melayu masih belum selesai.

"PKMM sentiasa berdiri teguh di belakang Dr Mahathir dan akan sentiasa memberi sokongan penuh kepada kepemimpinannya," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Presiden Kelab Penyokong Kerajaan, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, berkata ahli kelab berkenaan juga menyertai seluruh rakyat Malaysia menyokong Dr Mahathir dan mahu beliau terus memimpin negara ini.

Di Kangar, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, pula meminta ahli Umno menerima hakikat dan bersedia bahawa satu hari nanti Perdana Menteri akan berundur juga.

"Umno Perlis sebulat suara menyokong kepemimpinan Dr Mahathir dan kita rayu supaya keadaan kembali kepada asal.

"Bagaimanapun, kita perlu bersedia yang suatu hari nanti Perdana Menteri akan pergi (bersara) juga, cuma masa menentukan...sebulan...dua bulan," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan penanam tembakau negeri Perlis, hari ini.

Di Bandar Jengka, Pahang, Naib Pengerusi Gabungan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) Wilayah Jengka, Abd Hamid Shafiee, berkata golongan peneroka juga masih memerlukan khidmat dan sumbangan Perdana Menteri untuk memajukan masyarakat luar bandar.

Di Kuala Terengganu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Idris Jusoh, berkata mesyuarat Badan Perhubungan Umno di Kuala Lumpur, malam tadi memberi penjelasan kepada rakyat mengenai isu berkenaan.

"Umno negeri tidak mahu terlalu banyak spekulasi ditimbulkan mengenai pengumuman Dr Mahathir itu sehingga mengelirukan orang ramai," katanya.

(END)